

KEBERKESANAN SUBJEK MATAPELAJARAN UMUM (MPU) DALAM MEMPERKASA BAHASA MELAYU: SATU TINJAUAN AWAL

THE EFFECTIVENESS OF GENERAL STUDIES'S SUBJECTS IN EMPOWERING MALAY LANGUAGE USAGE: A PRELIMINARY STUDY

Nurul Farhanah Mohd Nasir¹
Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan²
Alan Tan Yee Hock³
Oh Siew Pei⁴
Abdul Latiff Hj. Jamaludin⁵
Nurhani Hazirah Ahmad Hamidi⁶
Norfaizadatul Akma Mohamad Maswan⁷

¹General Studies Department, Faculty of Social Science and Liberal Arts, UCSI University KL, Malaysia,
(E-mail: NurulFarhanah@ucsiuniversity.edu.my)

²General Studies Department, Faculty of Social Science and Liberal Arts, UCSI University KL, Malaysia,
(Email: ikhrum@ucsiuniversity.edu.my)

³General Studies Department, Faculty of Social Science and Liberal Arts, UCSI University KL, Malaysia,
(E-mail: AlanTan@ucsiuniversity.edu.my)

⁴General Studies Department, Faculty of Social Science and Liberal Arts, UCSI University KL, Malaysia,
(Email: ohsp@ucsiuniversity.edu.my)

⁵General Studies Department, Faculty of Social Science and Liberal Arts, UCSI University KL, Malaysia
(Email: latiff@ucsiuniversity.edu.my)

⁶General Studies Department, Faculty of Social Science and Liberal Arts, UCSI University KL, Malaysia
(Email: nurhani@ucsiuniversity.edu.my)

⁷Faculty of Social Science and Liberal Arts, UCSI University KL, Malaysia
(Email: Norfaizadatul@ucsiuniversity.edu.my)

Accepted date: 22-11-2018

Published date: 11-03-2019

To cite this document: Nasir, N. F. M., Ridzuan, M. I. M., Hock, A. T. Y., Pei, O. S., Jamaludin, A. L. H., Hamidi, N. H. A., & Maswan, N. A. M. (2019). Keberkesanan Subjek Matapelajaran Umum (Mpu) dalam Memperkasa Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 85-96.

Abstrak: Usaha dalam memperkasakan dan memartabatkan Bahasa Melayu merupakan sebuah agenda yang signifikan di Malaysia. Hal ini kerana ia memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan negara seperti yang diiktiraf dalam Perkara 152 perlembagaan Malaysia. Disebabkan itu Kementerian Pendidikan telah mengambil pelbagai pendekatan dan inisiatif dalam mengembalikan martabat dan kelangsungan medium utama komunikasi ini. Antara langkah yang diambil adalah mewajibkan pengambilan subjek mata pelajaran umum (MPU) dalam kalangan pelajar Institusi Pelajar Tinggi (IPT) yang terdiri daripada awam mahupun

swasta yang diajar dalam Bahasa Melayu, seperti subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia serta Hubungan Etnik. Namun begitu, adakah objektif Kementerian Pendidikan berjaya memenuhi hasrat dalam memartabatkan bahasa Melayu? Oleh itu, kajian ini akan menganalisis secara kritikal keberkesanan subjek dalam memperkasa bahasa Melayu melalui para pelajar di sebuah universiti swasta Selangor. Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif, iaitu temu bual berkelompok dengan memilih 21 responden secara rawak. Soalan temu bual memfokuskan kepada persepsi pelajar, cabaran serta solusi memartabatkan Bahasa Melayu dalam mendapatkan hasil kajian yang koheran. Hasil kajian mendapati kerajaan berjaya mencapai objektif namun beberapa mekanisme perlu ditambah baik agar relevan dengan keadaan semasa.

Kata Kunci: Mata Pelajaran Umum (MPU), Persepsi Pelajar, Cabaran, Penyelesaian, Usaha Memartabatkan Bahasa Melayu

Abstract: *The efforts to uphold the Malay language in Malaysia is an important agenda in the 21st century. This is because the Malay language takes an important role in promoting national unity with a unique position as stated in Article 152 of the Malaysian Constitution. Hence, multiple approaches and initiatives have been implemented by the Ministry of Education to consolidate the sovereignty of the national language. Among the steps taken is to make general studies courses (MPU) such as Ethnic Relations and Islamic-Asia Civilization to be taught in the Malay language. These are the compulsory courses for all Malaysian students who are studying in any public or private Institute of Higher Education in Malaysia. However, has this effort by the Ministry of Education successfully fulfilled the objective of upholding the Malay language? Thus, this study will examine the effectiveness of this approach in upholding the dignity of the Malay language among students in a private university in Selangor. This is a qualitative research using a focus group technique. The participants in this study are 21 students that are randomly selected from various faculty. The interview questions focus on students' perception, challenges and solutions towards upholding the Malay language in order to obtain coherent results. The findings suggest that the government's efforts met its objective, but the implementation should be improvising to align with the current situation.*

Keywords: *General Studies Courses (MPU), Students' Perception, Challenges, Solutions, Upholding Bahasa Melayu*

Pengenalan

Bahasa merupakan medium komunikasi anggota masyarakat di sesebuah tempat. Penuturan bahasa yang sama menunjukkan ciri-ciri jati diri sesebuah bangsa dan negara berdasarkan kewujudan keseragaman dalam interaksi harian (Abdullah, 2009). Penggunaan bahasa yang sama dapat menunjukkan sifat homogenisasi dalam masyarakat majmuk, khususnya apabila merujuk kepada keadaan kepelbagaian agama, budaya dan bangsa di Malaysia. Disebabkan pluraliti yang terdapat di Malaysia sejak Alam Melayu dahulu, penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah menggariskan bahawa Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bumi bertuah ini. Malangnya, sejak beberapa dekad ini, kesedaran dalam menjunjung Bahasa Melayu semakin berkurang berbanding penguasaan bahasa asing (Sharifah Darmia, 2014).

Melalui Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 mensyaratkan bahawa Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan Malaysia, banyak kaedah telah dilaksana bagi memastikan Bahasa Melayu

tidak dipinggirkan. Antara kaedah yang diperkenal adalah dengan menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan serta menyediakan hak eksklusif Bahasa Melayu dengan menjadikan bahasa Melayu tidak boleh dipersoalkan sewenang-wenangnya. Justeru itu, tindakan penguasaan Bahasa Melayu melalui dunia pendidikan telah dijadikan sebagai satu medan memartabatkan Bahasa Melayu secara langsung dan tidak langsung.

Umum menyedari bahawa pendidikan merupakan asas yang penting dalam penjanaan sahsiah diri seseorang individu sejak kecil lagi. Namun begitu, proses pendidikan dan sosialisasi individu kini kian mencabar disebabkan oleh faktor-faktor seperti pengaruh globalisasi, media massa dan masalah sosial (Mohd Isha, 2008; Nooriah & Zakiah, 2017). Cabaran-cabaran ini perlu diatasi demi menyahut misi dalam Dasar Falsafah Pendidikan Kebangsaan.¹ Rentetan daripada cabaran-cabaran yang diketengahkan, pihak Kementerian Pendidikan telah melipatgandakan usaha dengan tidak hanya mempunyai dasar-dasar pendidikan yang hanya fokus kepada intelektual, namun turut memberikan perhatian kepada pembentukan rohani dan emosi khususnya kepada golongan anak muda (Ab. Halim & Nur Hanani, 2017). Penyediaan pelan sokongan serta dasar yang mapan dan cakna terhadap perubahan semasa memungkinkan individu untuk sentiasa mendapat akses terhadap pelajaran sejak kecil lagi. Maka, dasar-dasar baharu seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah diperhebat dengan kajian-kajian yang melibatkan masyarakat di Malaysia.

Salah satu aspirasi yang menjadi sumber kepada penambahbaikan pelajaran dan pembelajaran di Malaysia adalah melalui perpaduan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Melalui aspirasi ini sebagai asas, ia diharap dapat menerapkan pemupukan identiti nasional dalam kalangan pelajar dan seterusnya melahirkan pelajar yang dapat memenuhi salah satu daripada sebelas anjakan utama dalam usaha mentransformasikan sistem pendidikan negara, iaitu Anjakan 3: Melahirkan rakyat yang menghayati nilai di mana pelajar lepasan sekolah mampu menghayati nilai identiti nasional selain sikap empati yang sepatutnya wujud sebagai asas sahsiah seorang individu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Namun begitu, menilai kepada kesan jangka panjang, proses pendidikan tidak hanya tertumpu kepada pelajar sekolah rendah atau sekolah menengah. Inisiatif baharu diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dengan mewajibkan matapelajaran wajib (MPW) untuk menerapkan nilai-nilai ini dengan lebih utuh. Seiring dengan keperluan semasa, pihak kementerian mengambil inisiatif dengan menyemak kembali kurikulum dalam MPW seperti subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Hubungan Etnik dan lain-lain dalam menggarap hasrat yang termetrai pada Falsafah Pendidikan Negara (Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum: 1) seperti: mempercayai dan mematuhi Tuhan; berilmu pengetahuan; berketerampilan; bersahsiah tinggi; bersedia menyumbang kepada masyarakat, agama, bangsa

¹ Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018:1)

dan negara; serta bertanggungjawab kepada diri, agama, bangsa, masyarakat dan negara. Sehubungan dengan itu, struktur MPW telah dikemaskini menjadi matapelajaran umum (MPU) agar ia seiring dengan aspirasi melahirkan graduan yang menepati syarat kebolehpasaran siswazah; yang tidak hanya fokus terhadap intelek, tetapi juga sahsiah dan rohani (Zaini, 2007; Nooriah & Zakiah, 2017).

Berdepan dengan cabaran pembentukan nilai pelajar pada era kini, ia membawa kepada satu persoalan baharu, iaitu kecintaan terhadap bahasa kebangsaan di Malaysia, iaitu Bahasa Melayu. Justeru itu, bagi Kementerian Pendidikan Tinggi, bukan sahaja hanya mempergiatkan usaha dalam memupuk sahsiah pelajar, tetapi juga kewajiban dalam menggunakan Bahasa Melayu yang menjadi salah satu aspek penting dalam subjek MPU, khususnya dalam subjek U1 yang merupakan kelompok pertama, iaitu subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia serta Hubungan Etnik. Persoalannya, mengapakah isu penggunaan Bahasa Melayu menjadi aspek utama dalam mempolopori MPU? Berdasarkan kajian, masyarakat kini semakin memperlihat keinginan untuk mementingkan Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu yang suatu ketika dahulu diaggap sebagai *lingua franca* (Jaafar, 2008; Sharifah Darmia, 2014; Siti Nor Azhani & Adlina, 2013; Zaini, 2007). Kajian Dilah Tuah (2015) juga mendapati, antara cabaran yang dihadapi oleh responden adalah persaingan kepenggunaan Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu.

Berbekalkan respon terbaru Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr. Maszlee Malik menegaskan tentang keperluan untuk memartabatkan kembali penggunaan Bahasa Melayu (Sinar Harian, 2018), inisiatif tentang kajian kepentingan Bahasa Melayu banyak dilaksanakan oleh para penyelidik. Secara keseluruhannya, Bahasa Melayu bukan sahaja hanya mementingkan dari segi pertuturan, penulisan, penguasaan serta pemahaman, ia juga melibatkan perspektif dan nilai kepentingan yang dirasakan oleh para penuturnya. Untuk itu, melalui kajian ini, antara objektif yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

1. Mengkaji relevansi subjek MPU dalam memperkasa Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di sebuah universiti swasta di Selangor.
2. Menganalisa cabaran dalam memartabatkan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di sebuah universiti swasta di Selangor.
3. Mengukuhkan penggunaan Bahasa Melayu melalui solusi berdasarkan keadaan semasa.

Dapatan Kajian

Kajian ini telah dijalankan secara temu bual, dan 21 orang pelajar telah bersetuju untuk menjadi responden dalam kajian ini. Kajian ini terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki dan 12 orang pelajar perempuan yang merupakan pelajar siswazah dari pelbagai fakulti di institusi pengajian swasta yang telah dipilih dalam mendapatkan jawapan terhadap objektif kajian. Para responden juga terdiri daripada pelajar yang datang dari pelbagai negeri seperti Kuala Lumpur (5 orang responden), Selangor (5 orang responden), Pulau Pinang (4 orang responden), Pahang (2 orang responden), Kelantan, Sarawak, Perak, Melaka dan Sabah dengan masing-masing satu responden dari setiap negeri. Melalui kajian ini, beberapa dapatan kajian telah diperoleh bagi menjawab objektif kajian.

Relevansi Subjek Matapelajaran Umum

Asas kepada kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan subjek MPU dalam memperkasa bahasa Melayu. Berdasarkan dapatan kajian, kesemua responden bersetuju bahawa salah satu cara untuk memperkasakan bahasa kebangsaan ini adalah dengan mewajibkan pelajar tempatan

untuk mengambil subjek MPU. Walaupun beberapa responden mengalami kesukaran untuk memahami bahasa kebangsaan ini disebabkan oleh masalah tatabahasa atau jarang menggunakan bahasa ini, mereka melihat kekangan ini dari sudut positif dengan menyatakan persetujuan bahawa MPU memberi kebaikan khasnya dari segi penggunaan bahasa Melayu serta aplikasi di dalam kelas.

Cabaran dalam Memartabatkan Bahasa Melayu

Berdasarkan kajian ini juga, beberapa cabaran-cabaran besar yang menyebabkan para responden mengalami kesukaran berbahasa Melayu telah ditemui.

Masalah Tatabahasa, Bahasa Rojak Dan Dialek Negeri

Melalui dapatan kajian, kesemua responden menyatakan bahawa mereka mempunyai ibu bapa yang fasih berbahasa Melayu yang dibuktikan melalui interaksi harian bersama masyarakat di luar. Namun begitu, 17 orang responden (80.9%) mengakui bahawa mereka tidak pernah menggunakan Bahasa Melayu untuk berinteraksi sesama ahli keluarga, selain bahasa ibunda atau Bahasa Inggeris. Hal ini telah menyebabkan responden-responden tersebut mempunyai masalah yang besar apabila mereka terpaksa mempelajari subjek MPU dengan menggunakan Bahasa Melayu kerana tidak fasih untuk berinteraksi, menulis mahupun membaca dalam bahasa kebangsaan ini. Apabila diselidik, kebanyakan pelajar ini datang dari sekolah jenis pendidikan vernakular, iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina atau Tamil. Para responden telah menaikkan isu seperti penggunaan tatabahasa atau kosa kata yang sukar atau jarang didengari telah menyebabkan mereka berasa kurang selesa apabila belajar di dalam subjek yang menggunakan Bahasa Melayu.

Kadang-kadang, nota yang diberikan oleh guru adalah terlalu susah untuk difahami... bahasanya agak susah untuk faham. Namun, saya bertuah kerana guru saya sabar menjawab soalan dan menerangkan perkataan tersebut dalam bahasa yang ringkas... dan kadang-kadang dia beri contoh yang senang atau dia tafsirkan perkataan tersebut dalam Bahasa Inggeris. (Responden 1, Perempuan, Melaka).

Selain itu, penggunaan seperti bahasa rojak dan perbezaan dialek di dalam kelas telah menyebabkan responden berasa keliru dengan penggunaan kosa kata Bahasa Melayu. Hal ini telah dipersetujui oleh beberapa responden yang khususnya datang dari Sabah dan Sarawak.

Kadang-kadang guru saya menggunakan bahasa rojak. Kadang-kadang terlalu cepat apabila mengajar di dalam kelas, atau mereka mencampuraduk Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Tetapi, ianya bagus sebab ada perkataan yang saya tidak faham walaupun telah diterangkan oleh guru dalam Bahasa Melayu. Jadi, apabila guru menggunakan Bahasa Inggeris, ia membantu saya untuk lebih faham dengan pengajaran guru. (Responden 2, Lelaki, Kuala Lumpur). Saya datang dari Sarawak. Jadi, apabila di dalam kelas, kadang-kadang saya tidak faham apa yang guru saya beritahu secara terus... (berfikir) mungkin, kalau saya tidak faham, saya perlukan masa beberapa minit untuk tafsirkan perkataan tersebut, dalam dialek saya atau Bahasa Inggeris. (Responden 3, Lelaki, Sarawak).

Persaingan Dengan Bahasa Inggeris

Persaingan penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris juga menjadi salah satu faktor kurangnya penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana, semua responden bersetuju bahawa mereka melihat penguasaan Bahasa Inggeris lebih penting

berbanding penguasaan Bahasa Melayu. Isu ini selari dengan kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh Nurkhamimi (2017), yang mengkaji isu ini menyatakan bahawa pelajar hanya mementingkan Bahasa Inggeris kerana ia membawa lebih banyak kebaikan untuk jangka masa yang panjang. Responden kebanyakannya bersetuju bahawa mereka tidak berasa keperluan untuk mahir dalam penggunaan Bahasa Melayu. Zaliza, Noor Asliza, Nurul Syazwani & Wan Salleh (2012) menyatakan dalam kajiannya bahawa kita tidak lagi berasa bangga dengan kefasihan berbahasa Melayu berbanding bahasa lain. Hal ini menyebabkan kita berasa tidak ada keperluan untuk belajar dalam bahasa kebangsaan ini.

Apabila saya dapat tahu bahawa saya perlu ambil subjek MPU, saya berasa tidak suka. Apatah lagi apabila mengetahui ia akan diajar di dalam Bahasa Melayu, saya lagi tidak suka kerana saya tidak rasa ia penting (subjek MPU dan Bahasa Melayu). Tetapi, apabila saya datang ke kelas, saya berasa sangat gembira, kerana kelas ini tidak mempunyai tekanan seperti subjek teras dari fakulti saya. (Responden 4, Perempuan, Selangor).

Berbanding rakan-rakan saya, saya mempunyai masalah untuk bercakap dan memahami Bahasa Melayu. Jadi, saya mempunyai persepsi bahawa bahasa ini tidak penting dan hanya mahu datang ke kelas kerana mahu lulus subjek ini. Tetapi, guru saya menerangkan subjek ini dalam Bahasa Melayu yang sangat mudah. Malah, beliau akan kerap berinteraksi dengan pelajar, contohnya bertanya maksud terhadap sesuatu perkataan. Jika kami tidak faham, beliau tidak marah, tetapi menggunakan perkataan yang lebih mudah untuk difahami. (Responden 5, Lelaki, Perak).

Perbincangan dan Penyelesaian

Masalah penguasaan Bahasa Melayu sering diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Perdebatan tentang aspek penggunaan dan penguasaan bahasa ini sering menjadi isu polemik, baik dari segi sosial mahupun politik. Rentetan itu, melalui kajian ini, penguasaan tatabahasa telah dikenal pasti sebagai salah satu cabaran besar yang memungkinkan usaha memartabatkan bahasa Melayu semakin mencabar melalui subjek MPU. Secara asasnya, hasil kajian lepas mendapati bahawa masalah penguasaan bahasa Melayu telah wujud sejak dari sesi persekolahan rendah dan menengah dan ia memberi impak terhadap penguasaan bahasa Melayu di peringkat institut pengajian tinggi (Nur Syafiah, 2014 & Chew, 2016). Namun begitu, kesalahan tatabahasa mahupun penguasaan bahasa tidak dipengaruhi oleh jenis sekolah, sama ada sekolah kebangsaan mahupun sekolah vernakular (Liew, Yahya & Abdul Rasid, 2014). Berdasarkan kajian-kajian lepas, aspek seperti teknik pengajaran untuk Bahasa Melayu di peringkat sekolah perlu diperbaharui bersesuaian dengan keperluan pelajar (Nur Syafiah, 2014). Hal ini dipersetujui oleh para pengkaji dalam kajian ini, namun begitu, isu mempraktikkan atau aspek aplikasi perlu ditilik agar ia seiring dengan pengajian pelajar. Selain itu, kajian ini juga mendapati terdapat kerancuan bahasa, atau bahasa rojak yang kini menjadi masalah utama khususnya kepada generasi Z (Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad & Nasariah Mansor, 2014). Dapatan kajian ini disokong oleh Nur Azlina & Nurhasyinda (2017), yang mendapati bahawa penggunaan bahasa campuran ini memberi kesan secara langsung terhadap penggunaan bahasa Melayu dan secara tidak langsung terhadap pembinaan jati diri, bangsa dan negara.

Seperti yang telah diketahui, Bahasa Inggeris merupakan bahasa global yang perlu dikuasai. Menurut Azizi, Shahrin & Farah Asnida (2008), Bahasa Inggeris ialah bahasa ekonomi antarabangsa, malah telah menjadi bahasa teknologi bagi membolehkan negara menjadi lebih kompetitif dan berdaya saing terutamanya dalam era globalisasi (Yahaya, Hashim, & Che

Shariff, 2008). Kesedaran tentang pentingnya penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Malaysia terutamanya di peringkat pengajian tinggi telah menunjukkan kepentingan untuk menguasai Bahasa Inggeris bagi kemajuan dalam bidang akademik dan sekaligus membolehkan graduan untuk mendapat tempat di alam pekerjaan kelak. Menurut Muhammad Hazrul (2012), para majikan menjangkakan graduan dalam pasaran pekerjaan mempunyai kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, penguasaan bahasa Inggeris, pengetahuan am dan semasa, kebolehan untuk melayan pelanggan, dan sebagainya. Selain itu, penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah merupakan antara lima faktor utama yang akan mempengaruhi kesukaran graduan mendapatkan pekerjaan.

Oleh sebab itu, terbentuknya persaingan penggunaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu kalangan pelajar IPTA mahupun IPTS apatah lagi kebanyakan bahan bacaan dan rujukan yang mudah diperolehi adalah dalam Bahasa Inggeris (MAMAT, 2016). Menurut Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir, sebanyak 3.3% orang siswazah yang menganggur setakat September 2018 (BH online, 2018), dan menurut Malaysian Employer Federation (MEF), salah satu punca penganguran adalah disebabkan penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah. Faktor ini telah menyebabkan penguasaan bahasa Inggeris menjadi keutamaan kebanyakan pelajar di IPT dan sejurusnya menyumbang kepada kurangnya penekanan terhadap praktis serta penambahbaikan bahasa Melayu. Justeru itu, melalui mata pelajaran MPU, ia sedikit sebanyak dapat membantu dalam penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar IPT ini kerana pelajar yang menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa mempunyai banyak kelebihan berbanding pelajar yang hanya menguasai satu bahasa sahaja (Bochner, 1996).

Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan beberapa solusi berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan terhadap responden dalam temubual yang lalu. Antara solusi ke dalam arah pendekatan penyelesaian dalam memartabatkan Bahasa Melayu adalah seperti yang dinyatakan dalam perbincangan berikut:

Interaksi Secara Lisan di dalam Kelas

Interaksi lisan ialah proses yang melibatkan penyaluran dan pertukaran maklumat melalui pertuturan antara penutur dan pendengar. Maklumat yang disalurkan itu terdiri daripada gagasan, perasaan, berita, dan amanat, disampaikan melalui satu sistem simbol yang dikenali sebagai bahasa. Sebagai satu perkara yang melibatkan bahasa, interaksi tidak terbentuk daripada sepatah perkataan atau satu siri perkataan semata-mata, tetapi juga melibatkan beberapa unsur seperti kelancaran pertuturan, kejelasan makna, situasi perbualan, nada suara, dan jarak sosial peserta perbualan. Dalam kata lain, aspek interaksi lisan mementingkan bukan sekadar aspek linguistik bahasa, malahan juga aspek-aspek yang melibatkan pragmatik bahasa.

Interaksi secara lisan di dalam kelas juga merupakan salah satu solusi dalam memartabatkan Bahasa Melayu supaya ianya dapat digunakan secara meluas di negara ini dan seterusnya dapat memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu. Menurut Ghazali Lateh & Shamsudin Othman (2014), bahasa dan interaksi merupakan dua patah perkataan yang tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya mempunyai kaitan yang amat rapat. Apabila mendefinisikan bahasa, kita tidak dapat mengetepikan perkataan interaksi, dan apabila kita mendefinisikan interaksi, kita pun tidak dapat mengetepikan perkataan bahasa. Hal ini menjelaskan bahawa apabila seseorang itu menggunakan Bahasa Melayu dan berinteraksi sesama sendiri di dalam kelas dengan lebih kerap lagi, ini dapat membuktikan bahawa penggunaan Bahasa Melayu sebagai alat komunikasi

telah digunakan secara meluas bukan sahaja di dalam kelas, malah mungkin boleh menular sehingga di luar kelas.

Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Sufiza Ishak (2013) menyatakan bahasa ialah alat komunikasi antara manusia. Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam bilik darjah adalah interaksi sosial yang paling berpengaruh di sekolah. Hal ini kerana guru-guru berinteraksi dengan murid secara individu hampir setiap hari. Pada masa kini, iklim P&P lebih menumpukan untuk mencorakkan tingkah laku dan perbendaharaan kata murid-murid. Selain itu, bahasa juga adalah salah satu medium utama manusia bersosial. Apabila bahasa digunakan dalam konteks komunikasi, bahasa pasti terikat dengan budaya, dan ikatan ini wujud dalam pelbagai bentuk dan bersifat kompleks. Perkataan-perkataan yang dituturkan dalam bahasa Melayu misalnya, merujuk kepada pengetahuan serta pengalaman yang dilalui dan dikongsi bersama oleh masyarakat Melayu lazimnya. Sesuatu bahasa yang digunakan melambangkan realiti budaya termasuklah dialek yang melambangkan sesebuah negeri (Zaliza Zubir & Zuliana Zubir, 2014).

Kecekapan berbahasa, terutamanya berkaitan lisan, menunjukkan sesuatu bangsa yang mengamalkan budaya tersebut. Kepentingan berinteraksi secara lisan antara perkara yang dapat memberikan impak yang perlu ditekankan sejak awal lagi. Kemampuan pelajar untuk berinteraksi secara berkesan merupakan satu kemahiran yang perlu dikuasai. Ini membolehkan terjadinya hubungan yang aktif sesama mereka dan boleh mendatangkan tindak balas daripada semua pihak, maka dengan itu terbentuklah aktiviti pembelajaran yang diinginkan.

Selain itu, terdapat juga masalah yang sering dihadapi oleh murid semasa bertutur ialah tidak dapat menyampaikan fikiran dengan berkesan. Hal ini kerana latar masyarakat di negara ini mempunyai etnik yang pelbagai dan ini adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah seperti kedwibahasaan, gangguan, penukaran kod, dan sebagainya (Zaliza Zubir & Zuliana Zubir, 2014). Namun begitu, masalah ini akan dapat diatasi sekiranya penggunaan Bahasa Melayu digunakan dalam kelas terutamanya dalam aktiviti lisan dan tulisan seperti yang telah diterapkan dalam buku teks mata pelajaran MPU seperti dalam subjek Hubungan Etnik dan juga TITAS. Melalui mata pelajaran ini, pelajar dapat menggunakan Bahasa Melayu dengan lebih meluas lagi melalui aktiviti yang telah dijalankan dalam kelas mengikut silibus yang telah ditetapkan di dalam subjek tersebut.

Penggunaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pengantar di Universiti

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar terutamanya di peringkat universiti adalah sangat penting kerana institusi pendidikan ini merupakan salah satu institusi dan medium yang berpengaruh dan berkesan dalam usaha perkembangan bahasa Melayu yang menjadikan bahasa tersebut kepada bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi sejak zaman penubuhan Persekutuan Tanah Melayu lagi. Justeru, perkembangan bahasa kebangsaan di negara ini dalam aspek pendidikan antara tempoh 1957 hingga 1966, dapat dinilai berdasarkan dua dokumen penting yang dikenali sebagai Penyata Razak 1956 (Ordinan Pelajaran 1957) (Penyata Jawatan-kuasa Pelajaran 1956: 17-28) dan Penyata Abdul Rahman Talib 1960 (Akta Pendidikan 1961) (Penyata Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi, 1967). Kedua-dua dokumen tersebut telah memainkan peranan penting dalam pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang begitu menekankan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan (Sharifah Darmia, 2014).

Namun begitu, jika dilihat dalam konteks pada masa kini, usaha untuk memperkembangkan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar mula mendapat persaingan yang hebat daripada Bahasa Inggeris. Hal ini kerana jika dilihat dari segi sistem pendidikan di peringkat sekolah dan juga universiti terutamanya yang terletak di kawasan bandar, Bahasa Melayu diletakkan sama taraf dengan Bahasa Inggeris. Hal ini kerana Bahasa Inggeris lebih mudah dan biasa digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Fasal 152 Perlembagaan 1957 juga menyatakan bahawa Parlimen akan menentukan kedudukan Bahasa Inggeris selepas sepuluh tahun selepas kemerdekaan.

Hal ini menunjukkan bahawa kedudukan Bahasa Inggeris telah kukuh dan ini menyukarkan lagi usaha untuk memperluaskan lagi penggunaan Bahasa Melayu di negara ini. Di samping itu, terdapat juga segelintir orang bukan Melayu yang sangat mencurigai semangat yang terkandung dalam Laporan Rahman Talib yang lebih memartabatkan Bahasa Melayu. Malahan terdapat bantahan secara berdemonstrasi telah dilakukan untuk menentang usaha untuk memperkembangkan Bahasa Melayu ini (Juriah & Zainal Abidin, 2007: 469). Oleh sebab itu, untuk memberikan kesedaran serta menyemai perasaan sayang kepada bangsa dan negara ini, matapelajaran umum (MPU) telah diperkenalkan. Matapelajaran seperti TITAS dan juga Hubungan Etnik ini juga dapat menerapkan unsur kepentingan penggunaan Bahasa Melayu dan penggunaan bahasa ini dapat diaplikasikan oleh pelajar di dalam kelas. Selain itu, perkembangan ilmu dalam Bahasa Melayu lebih cepat dikembangkan sekiranya penggunaan bahasa Melayu dapat dibudayakan oleh para ilmuwan dalam penerbitan ilmiah dan pengajaran serta pembelajaran. Situasi ini akan meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi dalam konteks penyebaran ilmu (Noraien & Noor Rohana, 2015). Hal ini adalah salah satu bukti, apabila Bahasa Melayu dignakan secara meluas di peringkat universiti, maka penggunaan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian juga dapat digalakkan dan penyebaran ilmu dengan menggunakan Bahasa Melayu dapat dipertingkatkan. Secara tidak langsung penggunaan Bahasa Melayu khususnya dalam mata pelajaran umum ini dapat memberikan impak kepada pelajar supaya dapat menggalakkan mereka menggunakan serta bertutur dalam Bahasa Melayu melalui sesi pembelajaran.

Penambahbaikan Penguasaan Bahasa Melayu oleh Tenaga Pengajar Subjek MPU

Seperti yang dibangkitkan oleh beberapa responden dalam kajian ini, penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pengajaran subjek MPU perlu diperkasakan oleh barisan tenaga pengajar MPU. Kelemahan penguasaan bahasa Melayu dan penekanan yang lebih kepada kursus-kursus teras yang lain boleh menghasilkan persepsi yang kurang baik tentang kepentingan bahasa Melayu kepada segelintir pelajar IPTS kerana mereka akan berasa bahawa peningkatan penguasaan bahasa Melayu bukanlah keutamaan bagi mereka, biarpun mereka lemah dalam bahasa tersebut.

Oleh itu, penggunaan bahasa tersebut tidak sepatutnya dipraktikkan demi memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak kementerian semata-mata. Sebaliknya, pengajaran subjek MPU dalam bahasa Melayu harus meningkatkan kefahaman pelajar terhadap penggunaan bahasa ini. Para tenaga pengajar perlulah mengambil langkah yang bersesuaian, biarpun perlahan, untuk menerangkan istilah-istilah serta konsep mungkin mengelirukan para pelajar. Kaedah pembelajaran perlu bersesuaian dengan tahap pemahaman bahasa Melayu bagi pihak yang diajar.

Perkara ini boleh dicapai oleh pengajar dengan menyediakan aktiviti yang menggalakkan komunikasi dalam kalangan pelajar dan di antara pelajar dan pengajar. Komunikasi lisan yang

berterusan ialah kepada pembelajaran melalui praktis dan amalan. Selain itu, tugas pembentangan lisan serta laporan bertulis boleh mendorong penggunaan bahasa Melayu lisan mahupun penulisan yang lebih mantap dalam kalangan pelajar. Seterusnya, penggunaan bahasa kebangsaan ini boleh dijadikan sebahagian daripada rubrik penilaian untuk tugas untuk memotivasikan penggunaan bahasa yang betul dan cekap dalam kalangan pelajar. Penetapan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara untuk subjek TITAS dan Hubungan Etnik membolehkan kaedah-kaedah yang dinyatakan di atas dijalankan. Namun, pengajar subjek TITAS dan Hubungan Etnik seharusnya menitikberatkan peningkatan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar mereka dan ini perlu menjadi sebahagian daripada pedoman dan falsafah setiap pengajar subjek MPU.

Penutup

Konklusinya, biarpun bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan Malaysia dan pengajaran bahasa Melayu dititikberatkan sepanjang zaman persekolahan awal pelajar-pelajar di Malaysia, penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu yang cekap dan efisien dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta di Malaysia adalah mengecewakan biarpun terdapat kesedaran untuk menguasai bahasa kebangsaan ini bagi setiap warga Malaysia. Ketidakhadiran dan lemah penguasaan terhadap bahasa Melayu berlaku ini disebabkan oleh para pelajar lebih cenderung mempraktikkan penggunaan bahasa ibunda sendiri atau bahasa Inggeris dalam pertuturan seharian dengan ahli keluarga dan rakan-rakan mereka. Kekurangan penggunaan bahasa Melayu yang konsisten telah melemahkan penguasaan terhadap bahasa kebangsaan seperti yang dilihat dalam kalangan pelajar swasta di Malaysia. Tambahan pula, andaian umum pelajar swasta bahawa Bahasa Inggeris lebih penting daripada Bahasa Melayu dalam alam pekerjaan turut mengurangkan kecenderungan dan minat pelajar untuk memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu.

Oleh itu, dasar Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajaran dalam subjek MPU di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta adalah suatu tindakan yang wajar dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Penggunaan bahasa Melayu dalam pembelajaran seperti subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) serta Hubungan Etnik menggalakkan kembali penggunaan Bahasa Melayu dalam proses pembelajaran seharian dan mengurangkan kemerosotan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Sungguhpun begitu, untuk memupuk kembali minat terhadap bahasa kebangsaan melalui pengajaran TITAS dan Hubungan Etnik, pihak tenaga pengajar disarankan supaya mengambil pendekatan yang profesional dan konsisten dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek tersebut. Selain itu, penerapan nilai murni yang ingin dicapai, subjek TITAS dan Hubungan Etnik dapat membantu pelajar IPTS untuk membentuk nilai penghargaan terhadap keunikan bahasa Melayu dan mendorong mereka untuk menyedari kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi mengekalkan identiti mereka sebagai warganegara Malaysia. Penggunaan bahasa Melayu dalam kelas MPU yang menggalakkan penggunaan bahasa tersebut dalam aktiviti seharian pelajar berpotensi untuk mencapai dan memenuhi objektif serta matlamat ini. Oleh itu, pihak kementerian, pembuat dasar, tenaga pengajar dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung seharusnya meneruskan pengukuhan keberkesanan subjek MPU dalam memperkasakan penggunaan bahasa Melayu dengan kaedah yang kreatif, inovatif dan proaktif agar menjadi teras dalam usaha memelihara identiti, adat, tradisi dan budaya tempatan di kalangan generasi muda Malaysia.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dalam kepelbagaian budaya: Harapan dan cabaran. *Kertas Kerja yang dibentangkan di Ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa ke-8 (PEDA8), IPG Ilmu Khas, Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Kemanusiaan*, 16: 59-81.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Sufiza Ishak. (2013). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1): 42-51.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim & Farah Asnida Che Shariff. (2008). Pengajaran sains dan matematik dalam bahasa inggeris. Dalam Yusof Boon & Seth Sulaiman (Ed.), *Permasalahan dalam pendidikan sains dan matematik* (pp. 123-142). Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- BH online. (2018, November 9). Kadar pengangguran September. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/11/496132/kadar-pengangguran-september-susut>
- BH online. (2018, September 3). Kementerian Pendidikan tubuh Majlis Bahasa Melayu. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/09/469275/kementerian-pendidikan-tubuh-majlis-bahasa-melayu-maszlee>
- Bochner, S. (1996). The learning strategies of bilingual versus monolingual. *The British Journal of Educational Psychology*, 11: 279-295.
- Chew, F.P. (2016). Masalah pembelajaran bahasa melayu dalam kalangan murid cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2): 10-22.
- Dilah Tuah. (2015, November 2). Bahasa Melayu di universiti awam: Satu tinjauan umum. *Dewan Bahasa*. Diperoleh daripada <http://dwnbahasa.dbp.my/?p=1641>
- Ghazali Lateh & Shamsudin Othman (2014). Tinjauan interaksi lisan Bahasa Melayu dalam kalangan remaja Malaysia dari sudut etnografi komunikasi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1): 30-40.
- Haika Khazi. (2018, Oktober 23). Maszlee minta Menteri Kabinet utamakan penggunaan bahasa Melayu. *Berita Harian*. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/489549/maszlee-minta-menteri-kabinet-utamakan-penggunaan-bahasa-melayu>
- Maharam MAMAT. (2016). *Penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar tahun satu di UKM Issues in Language Studies (Vol. 5 No. 2 - 2016)*. Dalam laporan penyelidikan Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hazrul Ismail. (2012). Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia: Tinjauan dari perspektif majikan. *Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor* (pp. 906- 913). Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaafar Jambi. (2008). Cabaran dan proses pemantapan Bahasa Melayu (Challenges an establishment process of Malay language). *Jurnal Pengajian Melayu*, 19: 68-90.
- Juriah Long & Zainal Abidin Ahmad. (2007). *Keberkesanan penggunaan bahasa Malaysiadalam komunikasi lisan di sekolah menengah rendah: satu tinjauan dalam Kongres bahasa dan persuratan I-IV (1952-2002)*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Diperoleh pada 31 Julai 2018 daripada <https://moe.gov.my/index.php/my/dasar/falsafah-pendidikan-kebangsaan>.
- Krueger, R.A. 1988. Focus groups: A practical guide for applied research. Newbury Park, California: Sage.
- Liew, S. L. and Yahya Othman & Abdul Rasid Jamian. (2014). Kesalahan bahasa dalam karangan pelajar cina sekolah menengah. *Jurnal Bahasa*, 206-225.
- Mohd Isha Awang. (2008, Julai 16). Isu dan cabaran bahasa melayu dalam pendidikan. *Berita Harian*. Diperoleh daripada <http://www.dbp.gov.my/klikdbp/klikdbp11julai8.pdf>
- Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad & Nasariah Mansor. (2014). Kerancuan bahasa: Cabaran dalam pendidikan negara dan pembinaan negara bangsa. *Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Ketahanan Nasional 2014, Kuala Lumpur*.
- Nooriah Yusof & Zakiah Jamaluddin. (2017). Pembangunan Kebolehpasaran Siswazah: Tindakan Universiti dan Cabaran yang Dihadapi (Development of Graduates Employability: The Role of University and Challenges). *Jurnal Personalia Pelajar*, 20: 15-32.
- Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor. (2015). Penerbitan Ilmiah Bahasa Melayu Dalam Kalangan Ilmuan Negara. *Journal of Business and Social Development*, 3: 25-32.
- Nur Azlina Jalaluddin & Nurhasyinda Shahidan. (2017). Modenisasi bahasa di kalangan gen z. *Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-2, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS*. Selangor, Malaysia: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS.
- Nurkhamimi Zainuddin. (2017, Disember15). Martabat bahasa Melayu di IPT. *Sinar Online*.Diperoleh daripada <http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/martabat-bahasa-melayu-di-ipt-1.770670>.
- Nur Syafiah Mohd Isa. (2014). Penguasaan bahasa melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar etnik cina di sekolah menengah perendirian cina: Satu kajian kes. (thesis). Diperoleh daripada <http://eprints.ums.edu.my/17627/1/Penguasaan%20Bahasa%20Melayu.pdf>
- Sharifah Darmia Sharif Adam. (2014). Cabaran dan reaksi pelaksanaan bahasa kebangsaan dalam bidang pentadbiran dan pendidikan di Malaysia, 1957–1966. *Social and Behavioural Sciences*, 134: 305-315.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Adlina Ab Halim (2013, Mac). Cabaran dan Peranan Bahasa Kebangsaan dalam Pembinaan Peradaban Malaysia. *Kertas kerja yang dibentangkan di Fourth PPSPP International Conference 2013, Universiti Kebangsaan Malaysia*. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaini Ujang. (2007, Dicember 6). Pelan strategik pengajian tinggi negara. Diperoleh daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1206&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_05.html
- Zaliza Zubir, Noor Asliza Abdul Rahim, Nurul Syazwani Zulkifli & Wan Sallha Yusuf. (2012). Bahasa melayu dalam arus globalisasi: Keutuhan jati diri dan ketakatan budaya melayu. *Journal of Human Development and Communication*, 1: 129-135.
- Zaliza Zubir & Zuliana Zubir. (2014). Pengaruh budaya yang mempengaruhi wujudnya perbezaan penggunaan dialek di kawasan Pendang, Kedah. *Journal of Human Development and Communication*, 3: 93-113.